

Kisah Perjuangan Nabi-Nabi

KISAH NABI AYUB



**Ditulis semula oleh
ABDUL RAUP**

Kisah Perjuangan Nabi-Nabi

KISAH NABI AYUB



PUSTAKA PENAMAS

No. 39, Jalan USJ 2/3,
47600 Subang Jaya, Selangor
Tel: 603-56337549 Fax: 603-80233286

Abdul Raup

Kisah Nabi Ayub / ditulis semula oleh Abdul Raup.

(Kisah perjuangan nabi-nabi)

ISBN 967-74-0221-8 (set)

ISBN 967-74-0223-4

1. Prophets, Pre-Islamic--Juvenile literature. 2. Islamic stories, Malay.

I. Judul. II. Siri.

297.246

Semua Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sebarang cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebagainya tanpa izin terlebih dahulu dari Pustaka Penamas

Diterbitkan oleh

PUSTAKA PENAMAS

No. 39, Jalan USJ 2/3,

47600 Subang Jaya, Selangor

Tel: 603-56337549

Fax: 603-80233286

© PUSTAKA PENAMAS

Cetakan Pertama ... 2002

Dicetak oleh:

Percetakan Sentosa (K.L.) Sdn. Bhd.

Lot 223, Sek 92, Jalan Lima, Off Jalan Chan Sow Lin,
55200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-92213755 Fax : 03-92219254

KISAH NABI AYUB



Para Malaikat telah memutuskan Nabi Ayublah yang sebaik-baik manusia di dunia ini. Imanya yang kuat dan hemah yang tinggi serta ibadat yang ikhlas telah menjadikan beliau seorang manusia yang **sempurna**.

Pemilihan ini telah dipersetujui oleh Allah. Allah memberikan rahmatnya kepada Nabi Ayub. Ia pun menjadi manusia pilihan Allah dan malaikatnya.

Keputusan ini ditentang oleh Iblis. Mereka merasa terhina. Hati mereka bertanya, “Mengapakah Ayub dipilih sebagai manusia yang terbaik di dunia ini, sedangkan taraf mereka adalah lebih tinggi daripada Ayub?” Sejak itu timbullah rasa marah, hasad dan dengki Iblis kepada Nabi Ayub yang dikasihi oleh Allah itu.



Pada suatu hari Iblis menghadap Allah. Tujuannya ialah untuk membuat **fitnah** mengatakan Nabi Ayub sebenarnya tidak beribadat, tidak bersyukur nikmat dan memuji Allah.



Hidupnya semata-mata mengumpul harta untuk kesenangan hidupnya.

Allah **menyangkal** fitnah Iblis itu. Allah menerangkan bahawa Nabi Ayub adalah seorang hambanya yang beriman. Dia menyembah setiap waktu dan setia memuji akan kebesaran Allah.



Iblis merayu supaya dibenarkan menggoda dan menggoncang iman, keyakinan serta ibadat Nabi Ayub.

Allah membenarkan permintaan Iblis itu kerana Allah mengetahui segala niat Iblis tersebut.



Iblis sangat **sukacita**. Keinginan untuk **meruntuh** dan **meranapkan** keimanan Nabi Ayub sangat besar. Keinginan itu telah terbuka. Hatinya sangat kuat dan yakin akan terbalaslah penghinaan yang dilakukan ke atas sukusakatnya kerana pemilihan manusia Ayub sebagai manusia yang terpilih dan dikasihi Allah.



Iblis mula mengikis harta-benda Nabi Ayub. Banyak binatang ternakannya seperti kibas dan unta hilang di padang pasir. Tanam-tanaman habis dirampas oleh Iblis dengan suku-sakatnya. Pendek kata Nabi Ayub telah menjadi **papa-kedana**.



Pada suatu hari, Iblis menyamar sebagai seorang tua. Dia datang ke rumah Nabi Ayub. Ia mengatakan rasa simpatinya kepada Nabi Ayub kerana kehilangan harta-benda yang banyak itu. Kemudian Iblis yang menyamar sebagai orang tua itu mencabar Nabi Ayub, "Ke manakah perginya Tuhanmu? Tidak pun dia dapat menolong kehilangan harta-bendamu, walaupun engkau setiap saat meminta pertolongan daripada-Nya, ke mana dia sekarang?"




“Allah itu ada. Dia melihat apa sahaja yang aku lakukan. Kehilangan harta-bendaku itu adalah di atas kehendaknya. Dialah yang menentukan segala-galanya. Aku bersyukur di atas segala apa yang telah berlaku.” Nabi Ayub berkata dengan tenang.



“Engkau selama ini tertipu wahai Ayub.
Engkau terpedaya! Ibadatmu selama ini adalah
sia-sia belaka. Tuhanmu tidak dapat memberi
apa-apa!” hasut Iblis itu lagi.



Nabi Ayub tidak menjawab, sebaliknya baginda terus berdoa memohon supaya imannya dikuatkan dan ibadatnya diterima oleh Allah Yang Maha Kuasa. Baginda bersujud semoga Allah akan melindunginya dari terpedaya oleh Iblis itu.



Iblis merasa hampa. Godaannya tidak berkesan sama sekali. Ia kembali menghadap Allah. Ia memohon keizinan Allah untuk menggoda iman manusia pilihan itu lagi.

“Apa yang hendak engkau lakukan lagi ke atas umatku yang penuh takwa itu?” Allah bertanya.



“Aku hendak membunuh anak-anaknya. Keturunannya akan dihapuskan dari muka bumi ini,” Iblis berkata dengan sombong dan bongkak.

“Sempurnakan nafsu dan keinginan itu, wahai Iblis! Tetapi percayalah hamba pilihanku itu tidak akan berganjak imannya,” Allah memperkenankan permintaan itu.



“Dengan tidak membuang masa, Iblis lalu masuk merempuh ke dalam istana anak-anak Nabi Ayub. Sedangkan pada masa itu anak-anak Nabi Ayub memohon doa di atas keselamatan ayahnya itu. Iblis membunuh semua anak-anak Nabi Ayub dengan kejam sekali. Apabila melihat mayat anak-anak Nabi Ayub bergelimpangan itu, hati Iblis merasa puas.





“Lihat wahai Ayub. Apakah balasan yang diberikan oleh Tuhanmu yang engkau sembah itu? Semua anak-anakmu telah mati atas kehendaknya.” Iblis membuat fitnah lagi.

“Allah Yang Maha Besar lagi Maha Pengampun. Dialah yang memberi anak-anak itu kepadaku. Dialah yang berhak mengambilnya daripadaku atas kehendaknya!” Nabi Ayub berkata dengan tenang dan sambil berdoa kepada Tuhan Yang Maha Pengasih dan Penyayang.

“Tuhanmu sangat **kejam**. Anak-anakmu yang sehat itu telah diragut nyawa mereka olehnya. Kutuklah Tuhanmu itu!” hasut Iblis itu.



“Maha laknat umat yang tidak bersyukur penentuan Allah. Ya Allah! Jauhilah aku dari **ketakburan** begini. Dan laknatlah hambamu yang menidakan kekuasaanmu itu!” Nabi Ayub berdoa tanpa menghiraukan hasutan Iblis itu.





Iblis merasa kecewa lagi. Iman Nabi Ayub tidak bergoncang sedikit pun. Malahan ia terus bertakwa kepada Allah dengan bersyukur rahmatnya.

“Izinkan aku mengenakan penyakit kepada manusia pilihanmu itu ya Tuhan!” memohon Iblis sekali lagi.

“Puaskanlah nafsumu, wahai Iblis laknatlah!”

Beberapa hari kemudian, Iblis pun merasuk ke dalam pembuluh darah Nabi Ayub. Nabi Ayub pun jatuh sakit. Ia **terlantar** beberapa lama. Tubuh badannya susut dan lemah. Tetapi dengan doa dan sukarnya dimajukan kepada Allah. Ia tidak menyesal segala apa-apa yang datang menyiksa kehidupannya. Imanya menjadi kuat dan kukuh.





Penyakit itu dihidapinya beberapa tahun lamanya. Tubuh badannya berkudis, bernanah dan berbau hanyir. Sahabat-sahabatnya yang ramai tidak datang menziarahi. Rahmah, isterinya yang berdamping dengan Nabi Ayub sepanjang masa.



Oleh kerana takut dijangkiti oleh penyakit suaminya itu, Rahmah yang bekerja sebagai pemotong roti diberhentikan kerja oleh majikannya. Maka bertambah-tambah menderita kehidupan mereka. Namun begitu, Nabi Ayub terus berdoa memohon kepada Tuhan menguatkan imannya dan menerima amal ibadat serta kesyukurannya.

Pada suatu hari Iblis datang menggoda Rahmah, isteri Nabi Ayub. Iblis menghasut Rahmah supaya mengutuk Allah kerana tidak memberi pertolongan kepada suaminya. Walaupun setiap saat suaminya memuji kebesaran Allah, Iblis cuba mengingatkan Rahmah betapa bahagianya kehidupan mereka masa lalu jika dibandingkan dengan penderitaan masa kini.



“Sampai begitu sekali Allah menyeksamu, wahai suamiku, padahal ibadatmu kepada-Nya cukup kental dan banyak! Kenapa ia bersikap kejam kepada suamiku?” Rahmah tergoda.

“Tutup mulutmu, wahai isteri yang tidak syukuri rahmat Tuhanmu itu!” Nabi Ayub merasa sedih. Hatinya terhisir kerana kelakuan isterinya itu, lalu ia menghalau isterinya yang tidak bersyukur itu.



Maka tinggallah Nabi Ayub seorang diri dengan penderitaan yang dialaminya. Tetapi ia terus berdoa dan memohon rahmat dari Allah. Allah mengabulkan doanya. Sebuah mata air memancut di hala hadapan kakinya. Ia mandi dengan air itu. Dalam sekejap mata saja penyakitnya sembuh semula. Selepas itu isterinya kembali semula kepadanya.



Apabila mendengar berita itu, Iblis amat kecewa kerana dendamnya tidak berhasil menggoda Nabi Ayub, manusia pilihan Allah itu. Dendam itu terus bersambung kepada umat manusia hari ini.

Marilah kita contohi keimanan Nabi Ayub supaya Iblis tidak dapat menghasut dan menggoda kita dalam golongannya.





PERBENDAHARAAN KATA

1. Sempurna - Lengkap
2. Fitnah - Dengki, kianat
3. Menyangkal - Menolak, tidak percaya
4. Sukacita - Amat gembira
5. Meruntuh - Merosakkan
6. Meranapkan - Memusnahkan
7. Papa-kedana - Tersangat miskin, tidak mempunyai walaupun sedikit harta.
8. Kejam - Zalim
9. Ketakburan - Bongkak, sombong
10. Terlantar - Terbaring tidak bermaya/
berdaya

Kanak-kanak sangat penting didedahkan kepada pendidikan moral untuk membolehkan mereka menghayati Islam kerana peringkat asas yang kuat dan kukuh untuk mereka mengetahui perjuangan Nabi yang sebenar.

Siri KISAH PERJUANGAN NABI-NABI ini dapat memberi faedah kepada murid-murid yang membacanya. Semoga siri ini akan menambahkan lagi bahan bacaan yang bercorak Islam untuk pembangunan pendidikan yang sewajarnya.



PUSATA PENAMAS

No. 39, Jalan USJ 2/3,
47600 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tels: 603-56337549
Fax: 603-80233286

ISBN 967-74-0223-4

